

Para pemimpin mulai bimbang ekonomi Amerika Syarikat boleh lumpuh angkara dadah

Trump isytihar krisis dadah di AS

KOSMO 04/12/2017 M/S 2

WASHINGTON, Amerika Syarikat – Presiden Donald Trump mengisytiharkan epidemi opioid sebagai bencana kebangsaan selepas 2.4 juta rakyat Amerika Syarikat (AS) didapati ketagih opioid iaitu gejala dadah yang juga melibatkan preskripsi ubat tahan sakit seperti morfin, heroin serta dadah sintetik.


Trump nekad membuat pengisytiharan memerangi dadah selepas bahana opioid di AS bukan sahaja membunuh 90 rakyatnya setiap hari, bahkan turut melumpuhkan ekonomi negara Uncle Sam itu dengan mengakibatkan berjuta-juta orang tidak dapat bekerja.

Opioid secara kasarnya merujuk kelas ubat tahan sakit atau dadah yang mempunyai hasil candu, sama ada secara asli ataupun sintetik.

Majlis Penasihat Ekonomi (CEA) AS menganggarkan krisis opioid mengakibatkan kerugian mencecah AS\$504 bilion (RM2.06 trilion) kepada ekonomi negara dalam tahun



KETAGIHAN opioid tidak hanya melibatkan dadah tetapi juga ubat-ubatan yang diambil secara berlebihan.



AS mengisytiharkan perang ke atas opioid selepas 90 orang rakyatnya mati setiap hari angkara dadah.



TRUMP menunjukkan memorandum yang ditandatangani bagi mengisytiharkan perang dalam menangani krisis dadah di AS yang semakin membimbangkan di Washington DC baru-baru ini.



PENAGIH dadah jenis Flakka boleh bertukar menjadi ganas yang disamakan dengan zombie.

INFO

Tujuh dadah paling bahaya di dunia

1. Krokodil – Dadah yang menyebabkan lebih daripada satu juta penduduk Rusia diancam ketagihan. Nama krokodil diberikan kerana ia menyebabkan kulit penagihnya menjadi hijau pucat dan bertompok hitam serta menjadi keras seperti kulit buaya

2. Whoonga – Merupakan gabungan daripada bahan pencuci atau racun tikus dengan dadah antiretroviral yang diberikan kepada pesakit yang menghidap HIV. Ia sangat popular kerana harga yang sangat murah dan mudah didapati di Afrika Selatan

3. Methamphetamine – Merupakan antara masalah yang paling berat dan besar di Malaysia. Dicipta tiga tahun selepas heroin iaitu pada tahun 1887, ia digunakan secara meluas ketika Perang Dunia Kedua bagi membuatkan tentera-tentera sentiasa peka dan sedar namun disalah guna oleh penagih

4. Bath Salt – Jika diterjemahkan kepada bahasa Melayu, ia bermaksud garam mandian dan seperti tidak berbahaya. Namun ia bukanlah garam yang dimasukkan ke dalam tab mandian, namanya diberikan disebabkan ia dijual secara atas talian menggunakan samaran sebagai bath salt supaya tidak diketahui pihak berkuasa

5. Heroin – Dadah tertua di dunia yang

2015 disebabkan oleh kos peningkatan penjagaan kesihatan dan kehilangan gaji bagi menjana ekonomi.

CEA berkata, dalam laporannya yang disiarkan pada 20 November lalu menyatakan lebih 50,000 rakyat AS maut kerana terlebih mengambil dadah pada 2015 dengan lebih separuh daripadanya melibatkan opioid.

“Masalah ini menjadi makin buruk pada kadar yang amat cepat dengan kematian melibatkan opioid meningkat dua kali ganda sejak 10 tahun lepas,” kata CEA.

Keadaan itu, katanya, mengakibatkan perniagaan-perniagaan sukar mencari pekerja untuk mengisi kekosongan jawatan ekoran ramai yang tidak berdaya untuk be-

kerja kerana terjebak dengan penagihan dadah.

“Epidemik opioid menjajikan ekonomi AS dengan mengakibatkan pekerja dewasa tidak dapat bekerja semasa mereka dalam usia paling produktif,” kata pakar kesihatan dan ekonomi Majlis Hubungan Luar AS, Thomas Bollyky.

Pengerusi Rizab Persekutuan, Janet Yellen pula berkata, krisis itu menyumbang kepada kemerosotan tenaga buruh melibatkan pekerja pada usia terbaik mereka antara 25 hingga 54 tahun.

Penyertaan sektor buruh AS berada di bawah paras 63 peratus selama lebih tiga tahun, merosot berbanding 67 peratus dalam tahun 1990-an

hingga 2000, demikian menurut statistik kerajaan.

Sebahagian daripada penurunan itu adalah disebabkan oleh populasi yang semakin tua tetapi kadar penyertaan lelaki dewasa dalam sektor pekerjaan turut menyusut di bawah 72 peratus berbanding 77 peratus dalam tahun 2000.

Ahli ekonomi Universiti Princeton, Alan Krueger menganggarkan peningkatan preskripsi opioid dari tahun 1999 hingga 2015 dipercayai menyumbang 20 peratus kepada penurunan tenaga buruh lelaki dan 25 peratus tenaga kerja wanita sepanjang tempoh sama.

Beliau berkata, penurunan itu paling ketara di kawasan yang paling banyak opioid

ditemui.

“Banyak faktor perlu diambil kira tetapi saya berpendapat, punca utama ketagihan opioid adalah kerana sistem perubatan dan farmaseutikal AS.

“Terlalu ramai doktor memberikan ubat opioid secara berlebihan dengan tujuan baik untuk melegakan kesakitan,” kata Krueger.

Bollyky juga bersetuju krisis itu berpunca daripada preskripsi berlebihan ubat opioid yang melonjak 300 peratus sepanjang tempoh 20 tahun.

“Dalam tahun 2015, jumlah preskripsi opioid adalah mencukupi untuk diberikan kepada setiap rakyat AS untuk setiap jam selama tiga minggu,” katanya.

AS memiliki seramai 330 juta orang penduduk. -AFP

5. Heroin – Dadah tertua di dunia, yang dihasilkan oleh C. R. Alder Wright pada tahun 1874. Ia digunakan sebagai ubat yang diberikan kepada pesakit untuk merawat sakit kronik dan trauma fizikal. Ia mula diharamkan pada tahun 1971 disebabkan penyalahgunaannya

6. Flakka – Merupakan dadah yang diperkenalkan dan dipasarkan sebagai alternatif kepada ekstasi, namun kesannya adalah berbeza. Kesan terhadap pengguna dadah ini adalah peningkatan degupan jantung dan emosi, peningkatan suhu badan kepada 41 darjah Celsius, hipertermia, halusinasi yang sangat kuat dan rasa marah sehinggakan boleh membunuh

7. Kokain – Dianggarkan lebih daripada 10 juta orang menggunakan dadah ini di Amerika Syarikat dan ia boleh kerosakan organ seperti hati, buah pinggang dan paru-paru, selain kerosakan kekal pada saluran darah, mengakibatkan serangan jantung, strok dan akhirnya, kematian